



DAVE MUSTAINE

Pada tahun 1983 Dave Mustaine ditendang keluar daripada Metallica. Sadisnya kejadian itu berlaku beberapa hari sebelum rakaman album pertama Metallica. Dave bengang lalu menubuhkan satu kumpulan yang bernama Megadeth.

MEGADETH MENDUNIA



Rupanya kemarahan Dave terhadap Metallica menyebabkan Megadeth menjadi band Metal yang hebat. Album mereka terjual sebanyak 25 juta unit. Berjaya menganjurkan konsert seluruh dunia. Dinobatkan pula sebagai antara individu penting dalam dunia muzik heavy metal.

Tetapi apabila Dave dapat tahu yang Metallica menjual album mereka sebanyak 180 juta unit sedangkan Megadeth hanya dapat menjual 25 juta unit sahaja, Dave jadi kecewa.

PERKARA YANG JANGAN KITA BUAT

Inilah perkara yang jangan kita buat. Iaitu membandingkan kejayaan karier, bisnes dan kehidupan kita dengan pencapaian orang lain. Selagi kita buat demikian kita akan merasakan gagal selama-lamanya.

DAVE BOLEH SEPENTAS DENGAN METALLICA



Akhirnya di hujung-hujung, Dave mula berfikir apa guna berlawan dengan Metallica. Tidak ada guna pun sebenarnya. Dia mula setting balik fikiran dan perasaannya. Lebih baik ia berkawan dengan Metallica dari menjadikan Metallica sebagai musuhnya.

Bila Dave dah mula berfikir begitu. Akhirnya Megadeth boleh sepentas dengan Metallica. Pada masa itu semua pihak untung.

STEVE JOBS DAN BILL GATES

Ini yang pernah dibuat oleh Steve Job. Ia pernah bergaduh dengan Bill Gates kerana dikatakan Gates meniru perisiannya. Namun akhirnya Job sedar, dia perlu bekerjasama dengan Microsoft untuk mantapkan lagi Apple.

PENGAJARAN



Jangan bandingkan kejayaan orang lain.



Tukar pesaing kepada kawan.

المُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ، يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا

“Mukmin sesama mereka seperti satu binaan yang saling melengkapi”

(Hadis Bukhari)